
Title	Kesusasteraan Melayu nusantara - Tema: Tinggal landas ke abad 21
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1993 Muhammad Ariff bin Ahmad

disampaikan kepada
KONGRES BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA
anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
Negara Brunei Darussalam
29 Sept - 2 Oktober 1993

KESUSASTERAAN MELAYU NUSANTARA

tema: *tinggal landas ke abad 21*

0. pendahuluan

01. Kata **nusantara** yang saya pakai dalam makalah ini ialah 'nusantara' yang sama maknanya dengan yang biasa terpakai dalam ungkapan *Pertemuan Sasterawan Nusantara*, *Pertemuan Wartawan Nusantara* dan *Sastera Nusantara dalam Sastera Dunia*, iaitu 'nusantara' yang meliputi Negara-negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

02. PSN (Pertemuan Sasterawan Nusantara) yang pertama, diadakan di Singapura pada 24 dan 25 Disember 1977 telah merumuskan bahawa *PSN yang diadakan dua tahun sekali itu adalah merupakan forum bagi saling bertukar pengalaman, pandangan dan pendapat serta tunjang-memunjang dalam tiap gerakan dan kegiatan sasterawan dan penulisan yang terarah bagi kemajuan dan ketinggian kebudayaan/kesusasteraan Nusantara [Singapura, Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam].*²⁵

03. Dalam pertemuan keduanya di Jakarta pada 27-29 Disember 1979, PSN2 merumuskan, antaranya, akan menghimbau pemerintah masing-masing untuk meneliti budaya Melayu di negaranya, akan mengadakan bengkel peningkatan mutu seni dan teknik penciptaan sasterawan, akan menghimbau pemerintah masing-masing untuk mengadakan perlindungan hak cipta, dan menghimbau para sasterawan meningkatkan peranan dan tanggung jawabnya dalam perjuangan manusia membina kehidupan yang lebih manusiawi.²⁶

04. PSN3 yang disempurnakan di Kuala Lumpur pada 5-6 Disember 1981 pula telah menyarankan supaya MBIM (Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia) mengundang Singapura dan Brunei Darussalam menganggotai MBIM, serta menyarankan supaya diadakan Kongres Bahasa Melayu-Indonesia. PSN3 telah juga menyarankan supaya lalu lintas buku-buku [terutamanya yang masuk ke Indonesia] harus bebas dan munasabah di samping mengusahakan jurnal bahasa dan sastera

²⁵ Baca: *Resolusi-resolusi Pertemuan [PSN] dalam cenderamatra Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-7 di Singapura 13-16 Jun 1991.*

²⁶ idem.

sebagai media penggalak pertukaran maklumat dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Nusantara. PSN3 mendapati bahawa sebuah jawatankuasa bertindak dianggotai keempat-empat negara Nusantara harus dibentuk untuk melaksanakan segala rumusan dan saranan PSN.²⁷

05. Demikian seterusnya, PSN4 telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 9-12 Disember 1985, PSN5 telah diadakan di Ujung Pandang, Sulawesi Selatan, Indonesia pada 22-25 November 1986, PSN6 telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 7-10 Ogos 1988, dan PSN7 telah pula disempurnakan di Singapura pada 13-16 Jun 1991.²⁸

06. Pertemuan Sasterawan Nusantara telah diadakan sebanyak 7 kali dalam tempoh 16 tahun. Sebanyak 60 resolusi telah dirumuskan pertemuan-pertemuan tersebut, iaitu:

- PSN1.. 3 saranan.
- PSN2.. 5 saranan.
- PSN3.. 11 saranan [5 bahasa & sastera, 4 penerbitan, 2 kerjasama Nusantara].
- PSN4.. 17 saranan [6 bahasa, 7 Sastera, 4 kerjasama serantau].
- PSN5.. 12 saranan [4 bahasa, 4 sastera, 1 kerjasama, 3 khusus].
- PSN6.. 9 saranan [3 bahasa, 3 sastera, 2 kerjasama, 1 khusus].
- PSN7.. 3 saranan [1 sastera, 1 kerjasama dan 1 khusus]

07. Sepanjang pengetahuan saya, antara 60 resolusi yang dirumuskan PSN itu, sedikit sahaja resolusi yang telah dilaksanakan, iaitu *menjadikan PSN sebagai forum tempat para sasterawan bertukar pandangan dan pengalaman*. Ini kerana di tiap PSN sasterawan berbincang mengenai perkara-perkara yang diusulkan panitia PSN tiap musiman. Resolusi kedua yang telah dilaksanakan ialah meng-himbau MBIM supaya mempelawa Brunei Darussalam dan Singapura menyertai Majlis itu. Pada 1985 Brunei telah menjadi anggota MABBIM, manakala Singapura masih menjadi pemerhati MABBIM semenjak 1985 itu.

08. Adapun resolusi-resolusi yang lain nampaknya masih lagi dalam perhatian tiap PSN berikutnya. Pelaksanaan terhadap resolusi yang menyarankan supaya lalu lintas buku-buku harus bebas dan munasabah di samping hendak mengadakan jurnal sebagai media pertukaran maklumat mengenai bahasa dan sastera misalnya, masih ditunggu; rumusan tentang meningkatkan perjuangan sasterawan membina kehidupan manusia yang lebih manusiawi masih samar-samar.

²⁷ idem.
²⁸ idem.

09. Saya tidak pasti sama ada Kongres Bahasa, Sastera dan Budaya yang sedang dilaksanakan sekarang ini ada hubung kaitnya dengan resolusi PSN3 yang telah disarankan pada 5-6 Disember 1981 itu! Sudah 12 tahun resolusi yang berbunyi: *diusahakan satu kongres/pertemuan besar antara sasterawan dan penerbit buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia dari seluruh Nusantara bagi membincangkan masalah kerjasama terutama yang bersangkutan dengan pengaliran buku dan hakcipta* itu dirumuskan, namun, kongresnya masih belum terbayang lagi.²⁹

1. lake ko mae?

10. Saya dengar wacana **lake ko mae** itu dalam PSN5 di Ujung Pandang, Sulawesi Selatan pada November 1986. Katanya: **lake ko mae** itu membawa makna yang sama dengan kata *Qou Vadis* yakni 'ke mana kita'; barangkali sama pula dengan maksud pertanyaan orang Kelantan dengan perkataan '**mu nak guano**'? Maka selaras dengan tema kongres ini, jawapan kepada pertanyaan itu ialah hendak ke abad 21.

11. Abad 21 yang hendak kita jelajahi itu mungkin menyeluruhi suku abad permulaannya sahaja, yakni sesuai dengan satu generasi kedewasaan manusia. Mungkin boleh kita biarkan visi suku-suku abad selanjutnya ditentukan pula oleh generasi sinambung yang kita dewasakan selama 25 tahun mendatang ini.

2. tinggal landas

12. **Tinggal landas** membawa maksud 'meninggalkan pangkalan, bergerak ke depan sambil menaik dengan pantas dan yakin menuju ke destinasi'. Pangkalan ialah titik tolak 'tinggal landas' bermula, manakala destinasi ialah titik kecapaian yang hendak diraih penjelajahan.

13. Dalam usaha membawa kesusasteraan Melayu tinggal landas ke abad 21 izinkanlah saya menjadikan resolusi-resolusi PSN yang telah disepakati menerusi pertemuan-pertemuan selama 16 tahun tadi sebagai pengkalan, dan *peningkatan peranan dan tanggungjawab sasterawan dalam perjuangan manusia membina kehidupan manusia yang lebih manusiawi* [satu daripada resolusi PSN2 - 1979] sebagai destinasi penjelajahannya.

²⁹

Baca **Resolusi-resolusi Pertemuan [PSN]** dalam nuku cenderamata Pertemuan Sasterawan Nusantara VII yang diadakan di Singapura 13-16 Jun 1991.

3. resolusi-resolusi PSN

14. Gerbang abad 21 sudah berada di depan kita hanya dalam jarak perjalanan 7 tahun [3 PSN jika resolusi 1³⁰ PSN1 dipatuhi] sahaja lagi, sedangkan masih banyak resolusi PSN yang perlu direalisasikan. Maka itu, sebelum 'tinggal landas' ke abad 21 dilakukan, segala 'yang belum selesai' itu harus sudah sempurna. Tidak jelas sama ada Jawatankuasa Bertindak³¹ yang dirumuskan PSN3 pada 1981 itu sudah wujud atau belum tetapi yang ketara ialah bahawa kebanyakan peranan Jatankuasa itu masih belum digarap lagi.

3.1 bengkel sasterawan

15. Resolusi PSN2 [1979] yang mengatakan: *perlu mengadakan bengkel kerja sasterawan, paling sedikit sekali setahun, yang dilaksanakan secara bergiliran di kawasan-kawasan negara peserta dengan tujuan: (a) meningkatkan mutu seni dan teknik penciptaan sasterawan; dan (b) mendorong gerak penyatuan pemaikaaian bahasa-bahasa nasional di kawasan negara-negara peserta itu belum kelihatan diusahakan.*

16. Di Singapura [mungkin di negara-negara peserta PSN yang lain juga], memang pernah ada usaha mengadakan 'bengkel penulisan' oleh pertubuhan (organisasi) sastera dan budaya seperti KAMUS (Kumpulan Angkatan Muda Sastera) dan BKM (Badan Kesenian Melayu); tetapi bengkel-bengkel itu dimaksudkan sekadar untuk membimbing anggota-anggota kumpulannya yang berminat kepada pengaryaan kesusasteraan. Sasterawan mapan dari Singapura dan Malaysia pernah diundang memimpin bengkel tersebut. Bagaimanapun, bengkel-bengkel itu tidak ada kena mengenanya dan tidak mempunyai niat yang sama dengan resolusi PSN.

3.2 jurnal sastera & lalu-lintas buku

17. Resolusi hendakkan kebebasan lalu-lintas buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia dari dan ke negara-negara peserta PSN masih belum disempurnakan; kemasukan buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia yang tercetak di luar Indonesia masih 'berat'. Hasrat hendak mengadakan 'jurnal bahasa dan sastera' dan risalah bulanan sebagai media pertukaran maklumat dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Nusantara masih belum wujud lagi.

³⁰ Resolusi 1 PSN1 mengatakan: bahawa PSN akan diadakan dua tahun sekali secara bergilir-gilir tempatnya di Singapura, Brunei, Indonesia atau Malaysia.

³¹ Resolusi 3(a) PSN3 menyarankan: ... supaya membentuk sebuah Jawatankuasa Bertindak yang dianggotai perwakilan dari Brunei, Indonesia, Singapura dan Malaysia, sama ada peringkat pemerintah, pergerakan massa atau kedua-duanya sekali, bagi merancang kegiatan pertemuan di masa-masa yang akan datang dengan pihak tuan rumah, dan mengambil tindakan terhadap resolusi-resolusi di atas...

18. PSN6 [1988 di Kuching] yang bertemakan **Sastera Nusantara Budaya Bersama** telah mengangkat sastera Melayu sebagai sastera Nusantara. PSN7 [1991 di Singapura] pula telah meletakkan Sastera Nusantara itu dalam Sastera Dunia. Untuk menampakkan betapa bentuk Sastera Nusantara itu, Suratman Markasan [Singapura] telah menyelenggarakan sebuah antologi **Cerpen-cerpen Nusantara Mutakhir**. Sejumlah 54 buah cerpen karya sasterawan negara-negara peserta PSN termuat dalam antologi tersebut. Dan, antologi Cerpen itu telah diterbitkan DBP Kuala Lumpur, Malaysia.

19. Atas lunas 'keberatan' menerima masuk ke Indonesia buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia yang tercetak di luar Indonesia, tidaklah diketahui sama ada para pembaca umum di Indonesia [selain daripada mereka yang turut menyertai PSN7 di Singapura] telah dapat membaca 'antologi cerpen Nusantara' itu atau tidak! Jika 'keberatan' itu masih wujud, mudah-mudahan kendala lalu-lintas itu sudah akan 'terangkat' sebelum **tinggal landas ke abad 21** kita laksanakan.

3.3 biro penerjemahan

20. Untuk meletakkan Sastera Nusantara dalam sastera dunia, penerjemahan karya sastera itu ke bahasa-bahasa lain adalah perlu. PSN4 [1985] telah menyarankan bahawa *pemerintah negara-negara peserta hendaklah bekerjasama menubuh, membiayai dan menadbirkan biro penerjemahan wilayah Nusantara*.

21. Badan-badan penerjemahan memang sudah ada di tiap negara, namun satu badan khusus bagi kepentingan keempat-empat negara peserta PSN belum wujud lagi. Jawatankuasa Bertindak PSN seharusnya sudah menyampaikan resolusi itu kepada pemerintah yang dimaksudkan supaya mudah-mudahan biro itu sudah wujud sebelum menyingsing fajar abad ke 21.

4. destinasi

4.1 matlamat yang hendak dicapai

21. Sesuai dengan salah satu resolusi PSN hendak *meningkatkan peranan dan tanggung jawab sasterawan dalam perjuangan manusia membina kehidupan manusia yang lebih manusiawi*, maka pada hemat saya, destinasi yang baik kita tuju ialah 'kehidupan manusia yang manusiawi'. Saya percaya bahawa PSN telah membuat resolusi yang demikian itu adalah berasaskan prihatinnya terhadap kehidupan sesetengah manusia di jagat ini yang pada pendapat PSN 'tidak sebagai manusia wajar'.

22. Kehidupan manusia di dunia kini semakin kecamuk: dipermukaannya manusia kelihatan serba sempurna serba jaya dan serba maju dengan segala peralatan canggih, sedangkan di dalamnya masih kedapatan sifat-sifat primitif seperti si lemah makanan si gagah, si dengku makanan si licik, yang kaya mem'buli' yang papa, yang berkuasa menjajah dan menindas yang terkuasai. Hanya taktik dan teknik penekanan dan pemerasan itu sahaja yang berbeza: primitif kuno mematahkan segala tulang belulang, manakala primitif moden meremukkan hati dan jantung di dalam.

23. Justeru untuk melindungi manusia daripada angkara kemaharajalelaan primitif moden itu ditegakkan oranglah apa yang disebut: hak-hak asasi manusia, hak majoriti mengatasi minoriti, tanggung jawab melindungi golongan bernasib kurang baik dan lain-lain yang sebagainya. Bagaimanapun, kadang-kadang masih ada orang berselindung di sebalik hak-hak itu untuk melakukan sesuatu yang 'tidak manusiawi'.

24. Sasterawan di Singapura, terutama anggota-anggota Asas 50 (Angkatan Sasterawan 50) yang memperjuangkan kemajuan dan perkembangan kesusasteraan Melayu dengan menganut fahaman 'seni untuk masyarakat', adalah pendukung slogan 'sastera bina manusia'³² semenjak 1973. *Sastera bina manusia* itu membawa maksud: sastera membina minda (pemikiran), jiwa [bukan nyawa], perasaan, pertimbangan dan keperibadian manusia.

25. Slogan 'sastera bina manusia' dilancarkan sebagai memberikan fungsi baru kepada sastera Melayu di Singapura untuk mengimbangi kehidupan manusia selepas kemerdekaan dicapai. Apabila kemerdekaan negara dicapai, sekonyong-konyong banyak orang yang kehilangan pegangan, kehilangan panduan, kehilangan pendirian dan kehilangan maruah. Tidak diketahui sama ada negara-negara lain yang baru merdeka pun mengalami keadaan demikian.

26. Justeru untuk mengembalikan kehidupan manusia yang manusiawi, iaitu manusia yang punya harga diri, yang punya rasa kasih dan simpati, yang prihatin terhadap sekalian makhluk Illahi, yang punya rasa tanggung jawab terhadap negara, bangsa dan agama maka Asas 50 telah menggunakan slogan baru 'sastera bina manusia' itu sebagai tema penulisannya menghasilkan karya sastera. Secara kebetulan, slogan itu selari pula dengan resolusi PSN2 yang tersebut tadi.

³²

slogan *sastera bina manusia* itu telah ditetapkan Asas 50 dalam 'Perkampungan Sastera 73' yang diadakan pada Ogos 1973; slogan itu menggantikan slogan lamanya *bahawa karya sastera hendaklah digunakan sebagai alat mencapai kemerdekaan* yang menjadi asas perjuangan Asas 50 semenjak ditubuhkan pada 1950.

4.2 ke arah pencapaian matlamat

27. Suatu Organisasi Sastera Nusantara (OSN) harus dibentuk, sama ada oleh Kongres ini sendiri ataupun dengan kerjasama Jawatankuasa Bertindak PSN, untuk menangani segala kegiatan mengenai pengembangan kesusasteraan Nusantara. Tindakan segera yang harus dilaksanakan OSN - sebaiknya dengan kerjasama PSN - ialah segera membebaskan lalu lintas buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia (terutama karya sastera) dari/ke negara-negara peserta OSN dan PSN. Jika perlu, sekalian penerbit dan persatuan penerbit di Nusantara hendaklah diajak berunding dan bekerjasama.

28. OSN - sebaiknya dengan kerjasama PSN - harus segera menerbitkan jurnal sastera dan risalah sebagai media pertukaran maklumat dalam bidang bahasa dan budaya - khususnya yang mengenai kesusasteraan. Menerusi risalah itu kelak para sasterawan ditiap negara peserta akan dapat mempelajari perkembangan kesusasteraan di daerah-daerah lain negara peserta. Dengan demikian, mereka akan dapat membentuk Kesusasteraan Nusantara yang hendak disetarakan PSN, dengan kesusasteraan dunia.

29. OSN boleh bekerjasama dengan PSN menganjurkan bengkel-bengkel kerja sasterawan sebagaimana yang telah dirumuskan PSN2 [1979] dahulu. Bengkel itu harus segera diwujudkan dalam dua peringkat - di peringkat negara dan di peringkat Nusantara. Yang peringkat negara diselenggarakan oleh negara masing-masing, memenuhi keperluan masyarakat dan negaranya; manakala yang di peringkat Nusantara hendaklah diuruskan OSN/PSN.

30. Dengan demikian, nilai-nilai hidup negara dan nilai-nilai hidup Nusantara serta nilai-nilai bangsa dan agama akan dapat diterapkan dalam karya sastera Nusantara yang hendak disejagatkan PSN. Di samping itu, pengaryaan sastera Nusantara akan tergalak (terdorong) ke arah membina kehidupan manusia yang manusiawi.

31. Untuk menyemarakkan kegiatan Kesusasteraan Nusantara di abad 21 itu, OSN/PSN bolehlah pula mengadakan (i) dermacipta sastera Nusantara, (ii) hadiah sastera Nusantara; boleh juga menganjurkan (iii) pesta puisi Nusantara dan (iv) festival teater/drama Nusantara, seperti yang pernah disarankan PSN.

5. lampiran

32. Sekadar untuk tatapan dan perhatian, dilampirkan kepada makalah ini: resolusi-resolusi pertemuan PSN1 hingga PSN6 yang dinukil dari cenderamata PSN7 di Singapura [1991].

SEKIAN*

RESOLUSI-RESOLUSI PERTEMUAN

PERTEMUAN 1 (1977)

Pertemuan Sasterawan Nusantara I yang berlangsung di Singapura pada 24 hingga 26 Disember 1977 dengan bulat muafakat membuat pengisytiharan:

- Bahawa Pertemuan Sasterawan Nusantara akan diadakan dua tahun sekali secara bergilir-gilir tempatnya di Singapura, Brunei, Indonesia atau Malaysia.
- Bahawa Pertemuan Sasterawan Nusantara merupakan forum bagi saling bertukar pengalaman, pandangan dan pendapat serta tunjang-menunjang dalam tiap gerakan dan kegiatan sasterawan dan penulisan yang terarah bagi kemajuan dan ketinggian kebudayaan/kesusasteraan Nusantara.
- Bahawa Pertemuan Sasterawan Nusantara merupakan forum usaha untuk lebih meyakinkan pemerintah masing-masing tentang pentingnya kebudayaan, khususnya kesusasteraan, dalam pembangunan bangsa sehingga kebudayaan, khususnya bahasa dan sastera, mendapat prioritas/tempat dalam segala pembangunan negara masing-masing.

PERTEMUAN II (1979)

Pertemuan Sasterawan Nusantara II di Jakarta yang bersidang dari tanggal 27 hingga 29 Disember 1979 sampai kepada kesimpulan sebagai berikut:

- Perlu menghimbau pemerintah negara-negara peserta supaya melakukan penelitian yang lebih mendalam mengenai kebudayaan Melayu.
- Perlu menghimbau pemerintah negara-negara peserta supaya meningkatkan penelitian bahasa dan sastera daerah, baik lisan mahupun tertulis.
- Perlu mengadakan bengkel kerja sasterawan paling sedikit sekali setahun yang dilaksanakan secara bergiliran di kawasan-kawasan negara-negara peserta.
Tujuan bengkel kerja ini adalah:
(a) meningkatkan mutu seni dan teknik penciptaan sasterawan; dan
(b) mendorong gerak penyatuan pemakaian bahasa-bahasa nasional di kawasan negara-negara peserta.
- Perlu menghimbau pemerintah negara-negara peserta supaya mengadakan perjanjian perlindungan hakcipta.
- Menghimbau agar para sasterawan meningkatkan peranan dan tanggungjawab dalam perjuangan manusia membina kehidupan manusia yang lebih manusiawi.

PERTEMUAN III (1981)

Pertemuan Sasterawan Nusantara III yang berlangsung di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 5-6 Disember 1981 telah sepakat merumuskan:

Mengenai Bahasa dan Sastera

Supaya

- (a) Majlis Bahasa Indonesia Malaysia (MBIM) yang sedang bergerak, mempelawa pihak kerajaan Brunei dan Singapura menyertai Majlis ini.
- (b) Kegiatan MBIM yang setakat ini tertumpu kepada masalah ejaan bersama dan pembentukan istilah, diperluaskan agar meliputi juga bidang kekreatifan bahasa.
- (c) Istilah-istilah ilmu pengetahuan diseragamkan.
- (d) Institusi-institusi keilmuan dan kebudayaan dengan sokongan penuh negara-negara Nusantara menganjurkan Kongres Bahasa Melayu/Indonesia.

(f) Diambil langkah memupuk dan memelihara agar tulisan Jawi tidak pupus.

Mengenai Penerbitan

Supaya

- (a) Lalu lintas buku-buku, terutama yang ditulis dalam Bahasa Melayu/Indonesia, haruslah lebih bebas dan munasabah, terutamanya lalu lintas buku-buku berbahasa Melayu ke Indonesia.
- (b) Negara-negara Nusantara memastikan pelaksanaan Akta Hakcipta agar hak penulis dari pembayaran royalti dan hak penerbitan terjamin, sama ada karya tersebut diterbitkan di negara penulis sendiri atau di negara Nusantara yang lain.
- (c) Diusahakan satu Kongress/Pertemuan Besar antara penerbit buku-buku berbahasa Melayu/Indonesia dari seluruh Nusantara, bagi membincangkan masalah kerjasama, terutama yang bersangkutan dengan pengaliran buku dan hakcipta.
- (d) Diusahakan sebuah jurnal bahasa dan sastera dan risalah bulanan sebagai satu media untuk menampung dan menggalakkan pertukaran maklumat dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Nusantara.

Mengenai Kerjasama Se-Nusantara:

Supaya

- (a) Membentuk sebuah Jawatankuasa Bertindak yang dianggotai oleh perwakilan dari Brunei, Indonesia, Singapura dan Malaysia, sama ada peringkat pemerintah, pergerakan massa, atau kedua-duanya sekali, bagi merancang kegiatan Pertemuan di masa-masa yang akan datang dengan pihak tuan rumah, dan mengambil tindakan terhadap resolusi-resolusi di atas, dan juga (i) mengadakan bengkel penulisan bagi penulis-penulis Nusantara, (ii) mewujudkan Dermacipta (*grant*) Nusantara, (iii) mewujudkan Hadiah Sastera Nusantara, (iv) menganjurkan kegiatan bersama dalam bidang kegiatan dan kajian sastera, (v) menganjurkan siri Festival Teater/Drama Nusantara, dan (vi) menganjurkan siri Pesta Puisi Nusantara.
- (b) Rumusan-rumusan dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara I dan II terus diberi perhatian dan diusahakan pelaksanaannya.

PERTEMUAN IV (1985)

Pertemuan Sasterawan Nusantara IV yang bertemakan "Ke Arah Penyatuan Bahasa dan Persuratan Melayu Se-Nusantara" berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 9 hingga 12 Disember 1985 merumuskan perkara-perkara berikut:

Bahasa

- Pemerintah negara-negara peserta hendaklah bekerjasama menubuh, membiayai dan menadbir biro penterjemahan wilayah Nusantara dan universiti bahasa-bahasa moden untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh bahasa Melayu/Indonesia.
- Para sarjana, cendekiawan dan profesional perlu memenuhi tanggungjawab menjadikan bahasa Melayu/Indonesia sebagai sarana budaya tinggi.
- Perancangan bahasa di negara-negara peserta mestilah diselaraskan dengan perancangan bahasa negara-negara lain yang berbahasa Melayu/Indonesia dalam rangka merealisasikan erti bahasa kesatuan se-Nusantara.

- Ahli-ahli bahasa negara-negara berbahasa Melayu/Indonesia hendaklah bekerjasama menulis buku-buku pegangan yang dapat dijadikan panduan pembelajaran bahasa Melayu/Indonesia dengan tujuan untuk menyatukan semula varieti-varieti bahasa tersebut.
- Masalah-masalah kebahasaan di negara-negara berbahasa Melayu/Indonesia perlu dikenal pasti supaya perancangan bahasa dapat dilakukan dengan lebih terarah.
- Perlu ditubuhkan badan kerjasama serantau bagi mengelolakan tenaga kepakaran dalam bidang kebahasaan.

Sastera

- Realiti Sastera Islam adalah realiti yang lahir dari kreativiti yang berasaskan akidah Islam.
- Dalam mewujudkan konsep sastera Islam kita masih perlu kepada penulis-penulis yang sepenuhnya faham akan agama dengan jelasnya dan sedia *committed* terhadap agama di samping kepandaian mengolah dalam bentuk sastera yang baik dan indah yang tidak bertentangan dengan akidah agama Islam.
- Golongan politik atau pemimpin negara masa kini diajukan supaya meningkatkan lagi penghargaan terhadap kegiatan sastera.
- Pihak kerajaan/pemerintah dan swasta hendaklah sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk mempertingkatkan lagi kegiatan dan perkembangan sastera.
- Budaya membaca hendaklah dipertingkatkan lagi untuk perkembangan sastera.
- Perbincangan sastera yang serius seharusnya sering diadakan untuk menilai semula perjalanan dan perkembangan sastera.
- Patut dibuat satu ketetapan mengenai kriteria "mutakhir" dalam membuat sesuatu pengkajian sastera.

Kerjasama Serantau

- Berdasarkan resolusi Pertemuan Sasterawan Nusantara III yang mempelawa Singapura untuk menyertai MABBIM, dengan ini Pertemuan Sasterawan IV meminta supaya perkara ini diambil perhatian.
- Perlu diwujudkan kerjasama dan pengertian yang lebih mendalam di tahap pemerintah dalam bidang lalu lintas buku se-Nusantara.
- Membuat pertukaran skrip asli karya sastera yang dihasilkan oleh penulis-penulis se-Nusantara bagi faedah-faedah penerbitan dan penyebaran karya sastera serantau.
- Bagi mempertahankan dan meningkatkan minat terhadap karya sastera yang bermutu, kemasukan kebudayaan komersial yang mengandungi sastera murahan perlu dibendung.

PERTEMUAN V (1986)

Pertemuan Sasterawan Nusantara V di Makassar, yang berlangsung dari tanggal 22 hingga 25 November 1986, merumuskan pernyataan bersama mengenai perkara-perkara yang meliputi bidang:

Bahasa

- Perlu dikembangkan kesepakatan pengertian bahawa Bahasa Nusantara meliputi bahasa-bahasa yang disebut Bahasa Melayu di Brunei Darussalam, Bahasa Kebangsaan di Singapura,

Bahasa Malaysia di Malaysia dan Bahasa Indonesia di Indonesia.

- Pengembangan Bahasa Nusantara ke arah bahasa komunikasi yang luas, sebagai bahasa Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan, memerlukan kekayaan dari berbagai sumber, dengan berpegang teguh kepada asas kebersamaan untuk mempertahankan sifat kenusantaraan yang asasi. Oleh kerana itu, usaha memperkaya Bahasa Nusantara dengan anasir-anasir setempat dan dengan bahasa-bahasa lain yang masih hidup perlu dibatasi berdasarkan pertimbangan kepentingan pengembangan keperibadian Nusantara. Sedangkan usaha memperkaya Bahasa Nusantara dengan bahasa moden dilakukan berdasarkan pertimbangan kepentingan pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan, dan sebagai upaya pengembangan Bahasa Nusantara sebagai bahasa komunikasi.
- Agar perkembangan Bahasa Nusantara dapat memperoleh pembinaan yang sepatutnya, maka disarankan agar badan yang sudah ada, seperti MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia) yang bersifat transnasional atau lintas-bangsa, untuk memelihara dan mengembangkan kedekatan untuk mencapai pembinaan Bahasa Nusantara, menjadi:
 - (i) Bahasa komunikasi yang luas di kawasan Asia Tenggara, dan
 - (ii) Bahasa Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan dengan kemampuan pewadahan, daya nalar yang tinggi, sesuai keperluan pengembangan ilmu pengetahuan dan kebudayaan.
- Upaya pengembangan Bahasa Nusantara hendaknya diusahakan secara lebih intensif melalui kegiatan masing-masing, seperti:
 - (i) Pengajaran Bahasa Nusantara di sekolah-sekolah, menekan pula pentingnya pelajaran mengarang.
 - (ii) Akronim-akronim yang tidak tetap-asas diupayakan sejauh mungkin dihindari penggunaannya.

Sastera

- Sastera Nusantara, iaitu karya-karya sastera berbahasa Nusantara di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Indonesia, merupakan satu kesatuan budaya kreatif bangsa-bangsa Nusantara.
- Agar dapat mengembangkan potensinya sebagai warga sastera dunia, maka otonomi sastera merupakan syarat mutlak bagi peningkatan kreativitas dan prestasi Sastera Nusantara mutakhir.
- Mengajukan kepada pemerintah, lembaga-lembaga pendidikan dan masyarakat-masyarakat negara Nusantara ikut membantu memajukan dan mengembangkan Sastera Nusantara dalam rangka mengangkat martabat bangsa-bangsa Nusantara dan meningkatkan kebudayaannya, dengan:
 - (i) Mendirikan pusat-pusat Pengajian Bahasa, Sastera dan Budaya antara bangsa-bangsa Nusantara di keempat negara Nusantara.
 - (ii) Mengusahakan penubuhan lembaga-lembaga Pengajian Bahasa, Sastera dan Budaya Nusantara di luar Nusantara, khususnya di Asia Tenggara.
 - (iii) Memperluas pengenalan Sastera Nusantara ke dunia internasional, antara lain melalui penterjemahan karya-karya Sastera Nusantara ke dalam bahasa asing.
- Mengusulkan pusat-pusat Pengajian Bahasa dan Sastera Melayu/Indonesia di Universiti-Universiti di luar Nusantara, sebaiknya dijadikan Pusat-pusat Pengajian Bahasa dan Sastera Nusantara.

Kerjasama Serantau

- Untuk menghadapi masa depan Bahasa dan Sastera Nusantara diperlukan adanya Pusat-pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian dengan pengkhususan sebagai berikut:
 - (i) Pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian Novel Nusantara di Malaysia.
 - (ii) Pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian Cerpen Nusantara di Singapura.
 - (iii) Pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian Puisi, Drama dan Kritik Sastera di Indonesia.
 - (iv) Pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian Bahasa Nusantara di Brunei Darussalam.
 - (v) Pusat Monitoring, Dokumentasi dan Pengajian itu bertugas mempersiapkan bahan-bahan perbincangan sastera menjelang Pertemuan Sasterawan Nusantara selanjutnya.
 - (vi) Agar karya-karya Sastera Nusantara di satu negara dapat diikuti perkembangannya oleh masyarakat pembaca di negara-negara lain di lingkungan bangsa-bangsa Nusantara, maka diharapkan pemerintah masing-masing negara memberikan kemudahan-kemudahan bagi kelancaran lalu-lintas buku yang berbahasa Nusantara.

Khusus

- Pertemuan Sasterawan Nusantara VI akan diadakan di Sarawak, Malaysia, pada tahun 1988.
- Memperkuat pengembangan Wawasan Kenusantaraan yang amat dalam tertanam dalam sejarah peradaban di kawasan ini.
- Menyepakati untuk menggunakan Makassar sebagai nama kota tempat penyelenggaraan Pertemuan Sasterawan Nusantara V.

PERTEMUAN VI (1988)

Pertemuan Sasterawan Nusantara VI yang bertemakan 'Sastera Nusantara Budaya Bersama' yang telah berlangsung di Kuching, Serawak, Malaysia, dari 7 hingga 10 Ogos 1988, merumuskan perkara-perkara berikut:

Bahasa

- 1** Perlunya usaha pengukuhan kesepakatan pengertian Bahasa Nusantara meliputi bahasa-bahasa yang disebut Bahasa Melayu di Brunei Darussalam, Bahasa Melayu di Singapura, Bahasa Malaysia di Malaysia dan Bahasa Indonesia di Indonesia.
- 2** Untuk mengembangkan dan memperkukuhkan Bahasa Nusantara sebagai sarana budaya ilmu, pembakuan bahasa ilmu pengetahuan akan membantu penyebaran buku-buku ilmu pengetahuan ke seluruh wilayah Nusantara.
- 3** Rumusan-rumusan Pertemuan I — V tentang bahasa harus terus diberi perhatian dan diusahakan pelaksanaannya.

Sastera

- 1** Perlunya usaha memperkukuh kesedaran tentang karya-karya sastera berbahasa Nusantara di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Indonesia sebagai satu kesatuan budaya kreatif bangsa-bangsa Nusantara.
- 2** Mengajukan kepada pihak universiti-universiti di keempat negara agar memberikan perhatian terhadap usaha pengajian dan pengajaran sastera Melayu se Nusantara.

3 Rumusan-rumusan Pertemuan Sasterawan Nusantara I — V tentang sastera terus di perhatian dan diusahakan pelaksanaannya.

Kerjasama Serantau

1 Untuk merealisasikan semangat yang terkandung dalam tema PSN VI projek-projek berikut akan diusahakan:

- a) Mengadakan siri Hadiah Sastera Nusantara untuk pengarang-pengarang muda (di bawah usia 30 tahun) yang memperlihatkan potensi bakat kreatif dan daya intelektual. Hadiah akan disampaikan pada tahun pertemuan diadakan.
- b) Mengusahakan siri Pertemuan Pengarang Muda Nusantara cara bergilir-gilir di keempat buah negara.
- c) Meneruskan acara Pesta Puisi Nusantara secara bergilir-gilir di keempat buah negara.
- d) Mengadakan usaha pertukaran kunjungan sambil belajar bagi pengarang-pengarang muda untuk meluaskan pengalaman dan pengetahuan di kalangan keempat buah negara.

2 Untuk memastikan siri Pertemuan Sasterawan Nusantara ini berkesinambungan, tenaga pelaksana yang ada sekarang haruslah terus duduk dalam Jawatankuasa Penyelaras untuk merancang PSN akan datang.

Khusus

1 Disepakati, Pertemuan Sasterawan Nusantara akan terus diadakan sebagai wadah mengembangkan dan meningkatkan mutu ciptaan Sastera Nusantara.

2 Pertemuan Sasterawan Nusantara VII akan diadakan di Singapura pada tahun 1990.